

15 OCT 1998

Mahathir-Kehakiman

KEHAKIMAN M'SIA TIDAK TERIKAT DENGAN KERAJAAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini badan kehakiman di Malaysia tidak terikat dengan kerajaan, malah dalam banyak hal ia telah membuat keputusan yang tidak memihak kepada kerajaan.

Perdana Menteri berkata kerajaan sentiasa akur dengan keputusan mahkamah dan tidak pernah merungut walaupun ketika sesuatu keputusan yang diberikan itu tidak menyebelahnya.

Beliau menyatakan demikian pada persidangan berita di sini apabila ditanya mengenai kebimbangan yang disuarakan oleh sesetengah pihak di luar negara terhadap kesaksamaan badan kehakiman Malaysia dalam perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Kita tidak mengatakan bahawa ia tidak adil tetapi (ini adalah) badan kehakiman yang sama dengan yang mengisytiharkan Umno sebagai parti haram dahulu. Kita terpaksa menubuhkan semula Umno... kita telah diletakkan dalam keadaan yang sangat sukar oleh keputusan itu," katanya pada persidangan berita itu selepas mempengerusikan mesyuarat menjelang persidangan Parlimen dengan wakil-wakil Barisan Nasional di bangunan Parlimen di sini.

Umno telah diisytiharkan sebagai pertubuhan tidak sah oleh Mahkamah Tinggi pada 1987 setelah beberapa orang anggotanya mendapatkan penyelesaian mahkamah berkaitan rasa tidak puas hati dengan pemilihan parti pada tahun itu.

Dr Mahathir berkata pada yang lepas mahkamah-mahkamah telah menjatuhkan hukuman terhadap banyak pegawai parti, termasuk mereka yang memegang jawatan tinggi dalam kerajaan seperti menteri, menteri besar dan ketua menteri.

"Mereka disabitkan kesalahannya oleh mahkamah tetapi kita tidak pernah merungut, kita tidak berdemonstrasi," katanya.

Sebaliknya dalam hal pembangkang, pernah seorang anggota Parlimen dijatuhi hukuman oleh mahkamah dengan denda kurang daripada RM2,000, yang membolehkan dia terus menduduki kerusinya.

(Mengikut undang-undang, seseorang anggota Parlimen akan hilang kelayakan jika dihukum denda RM2,000 atau penjara setahun).

"... tetapi kita tidak membantah. Jadi badan kehakiman di Malaysia tidak terikat dengan kerajaan, tidak seperti di sesetengah negara lain. Di negara-negara berkenaan kita boleh berasa yakin yang mahkamah akan membuat keputusan yang memihak kepada kerajaan dan akan memastikan bahawa sesiapa sahaja yang menyelar kerajaan akan dihukum sehinggakan tidak ada lagi peluang bagi mereka," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata di Malaysia "nampaknya bagi kita, keputusan dibuat tanpa apa-apa pertimbangan kepada kerajaan, tidak ada langsung."

Mengenai desakan oleh sesetengah kumpulan di Amerika Syarikat supaya Malaysia menjamin yang kedilan dilakukan dalam kes Anwar, Dr Mahathir berkata mereka sepatutnya mencerminkan diri mereka sendiri.

"Mereka patut lihat diri mereka sendiri, apabila polis kulit putih pukul orang kulit hitam setengah mati, mahkamah mereka buat keputusan bahawa polis tidak bersalah... akibatnya rusuhan besar berlaku di Los Angeles.

"Baru-baru ini seorang kulit hitam diheret sampai mati dengan lori manakala seorang Jepun, yang sekadar tumpang bertanya seorang tuan rumah arah ke suatu tempat, ditembak oleh tuan rumah itu, kononnya takut disamun.

"Dan apa hukuman mahkamah? Tak bersalah (kerana) dia boleh tembak

sesiapapun ...inilah keadilan menurut mereka.

"Dan mereka cuba mengajar kita tentang keadilan sedangkan di sini kita tidak mengira bulu, tidak kira warna kulit, tidak kira kerajaan atau bukan kerajaan..."

Ditanya mengenai kenyataan-kenyataan dari negara-negara Asean yang menyentuh perkembangan dalaman di Malaysia, terutama mengenai kes Anwar, Dr Mahathir berkata itu hak mereka.

Namun demikian, kalau begitu keadaannya Malaysia juga boleh membangkitkan perkara-perkara yang berlaku dalam negara mereka, kata beliau.

Bagaimanapun beliau berharap pihak-pihak ini memberi peluang kepada mahkamah untuk membuat keputusan dalam kes Anwar.

-- BERNAMA

TEAM NMO